



PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan. Keutamaan kepada individu yang berintegriti, komited, mempunyai semangat berpasukan yang tinggi, berpengalaman, berkemahiran serta berminat dalam bidang perfileman untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

TARIKH IKLAN : 17 April 2023 (Isnin)

TARIKH TUTUP IKLAN : 17 Mei 2023 (Rabu)

BIL	JAWATAN	GRED	PENEMPATAN
1.	PENERBIT RANCANGAN	B41	Semenanjung / Sarawak
2.	PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)	W19	Semenanjung
3.	SETIAUSAHA PEJABAT	N29	Semenanjung
4.	PEMBANTU PENGUAT KUASA	KP19	Sarawak
5.	PEMANDU KENDERAAN	H11	Semenanjung

Sila klik pautan ini untuk melihat jawatan dan panduan mengisi borang permohonan atas talian (*online*) <http://eperjawatan.finás.gov.my>

Sebarang pertanyaan boleh hubungi Unit Pengurusan Sumber Manusia:
 Telefon: **03-4104 / 1428 / 1382 / 1312 / 1380 / 1383 / 1384**
03-4102 1737

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN DALAM TALIAN (ONLINE)

Cara-cara memohon:

- a) Sila klik pautan ini untuk mengisi maklumat pemohon secara dalam talian (*online*).
[https://www.finas.gov.my/ permohonan-pekerjaan](https://www.finas.gov.my/permohonan-pekerjaan)
- b) Sebarang permohonan melalui surat, e-mel, faks **tidak akan dipertimbangkan**. Maklumat bertanda * **hendaklah wajib diisi**.
- c) Sila isi **Nama Jawatan** dengan lengkap seperti yang tertera di ruangan iklan.
 1. **Contoh: Pegawai Tadbir, Gred N41.**
 2. **Setiap pemohon hanya dibenarkan memohon satu (1) jawatan sahaja.**
- d) Senarai dokumen berikut perlu disahkan yang perlu dimuat naik (*upload*):
 1. Gambar berukuran pasport terkini
 2. Sijil kelahiran
 3. Kad Pengenalan (depan dan belakang) diimbas (*scan*) terlebih dahulu dan disimpan sebagai (.pdf atau .jpeg)
 4. Sijil Berhenti Sekolah
 5. Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
 6. Salinan Diploma atau Ijazah Sarjana Muda (Bagi jawatan yang berkaitan sahaja)
 7. Lesen Kenderaan (Bagi jawatan yang berkaitan sahaja)
- e) Sila klik butang *submit*. Pemohon akan menerima satu notifikasi "**Permohonan anda berjaya dihantar**".
- f) Calon yang berjaya dan dipanggil temu duga hendaklah membawa sijil asal dan setiap salinan berikut iaitu kad pengenalan, sijil kelahiran, sijil persekolahan, sijil kelulusan tertinggi dan sijil-sijil yang berkaitan jawatan yang dipohon. Semua salinan dokumen **haruslah disahkan dengan cop asal (bukan cop salinan fotostat)**. (Semua dokumen perlu disahkan oleh Pegawai Kerajaan atau Badan Berkanun / Penghulu / Ketua Kampung / Pengerusi JKK / Pengetua / Guru Besar / Pesuruhjaya Sumpah atau mereka yang diperakui pengesahan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam)
- g) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan mestilah melalui **Ketua Jabatan** dan hendaklah disertakan bersama **salinan Rekod Perkhidmatan dan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) yang terkini (2020, 2021 dan 2022)** dan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini serta Laporan Pengisytiharan Harta. Lampiran tersebut **tidak perlu dimuat naik dan hanya perlu dibawa jika terpilih untuk ditemu duga sahaja**.

Catatan Am

- a) Permohonan yang **lewat** dan **tidak lengkap** diisi akan **DITOLAK**.
- b) Hanya calon-calon **yang layak selepas tapisan sahaja** akan **dipanggil temu duga**.
- c) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan **selepas 6 bulan** dari **tarikh tutup iklan** hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.

KELAYAKAN SPM SEBAGAI SYARAT LANTIKAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM

- a. Bagi tujuan pelantikan ke jawatan dalam Perkhidmatan Awam yang mensyaratkan kelayakan masuk di peringkat SPM, calon hendaklah memenuhi syarat minimum SPM berikut:
 - i. dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kepujian dan empat (4) mata pelajaran lain di peringkat Lulus dalam satu (1) peperiksaan SPM; **atau**
 - ii. dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kepujian dan empat (4) mata pelajaran lain di peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua (2) peperiksaan SPM dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut.
- b. Selain itu, terdapat skim perkhidmatan tertentu yang mensyaratkan Kepujian/Lulus dalam mata pelajaran tertentu selain daripada keperluan memenuhi syarat kelayakan seperti 1(a)(i) dan 1(a)(ii) di atas.

(Rujukan: Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2002 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016)

PENERBIT RANCANGAN GRED B41

Klasifikasi : Bakat dan Seni

Kumpulan : Pengurusan dan Profesional

Jadual Gaji : RM2,095.00 – RM9,587.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a. warganegara Malaysia;
 - b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - c.
 - (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang perfileman dan/atau penerbitan rancangan radio atau televisyen termasuk pementasan, teater, drama, hiburan, ehwal semasa dan lain-lain.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B41: RM2,095.00); atau
 - (ii) Ijazah sarjana muda dalam bidang animasi, komunikasi massa, multimedia, pengajian media, grafik komunikasi, fotografi, penyiaran atau perfileman atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B41: RM2,302.30); atau
 - (iii) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang animasi, komunikasi massa, multimedia, pengajian media, grafik komunikasi, fotografi, penyiaran atau perfileman atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B41: RM2,302.30).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT UJIAN KHAS

3. Calon lantikan adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang perfileman

dan/atau penerbitan rancangan radio atau televisyen termasuk pementasan, teater, drama, hiburan, ehwal semasa dan lain-lain sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh FINAS.

PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W19

Klasifikasi : Kewangan

Kumpulan : Pelaksana

Jadual Gaji : RM1,353.00 – RM4,005.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a. warganegara Malaysia;
 - b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - c.
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik, Perdagangan atau Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut.
(Gaji permulaan pada Gred W19: RM1,353.00) atau
 - (ii) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-Kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred W19: RM1,409.40) atau
 - (iii) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred W19: RM1,409.40) atau
 - (iv) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred W19: RM1,465.80) atau
 - (v) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred W19: RM1,465.80)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT TAMBAHAN FINAS

- i. Mempunyai pengalaman dan pengetahuan di dalam sistem kewangan, perakaunan serta pengurusan pejabat.
- ii. Mampu untuk bekerja secara berpasukan serta mempunyai daya tahan untuk bekerja di dalam situasi yang mencabar.
- iii. Mampu untuk menjana idea-idea bernalas serta mempunyai kemahiran komunikasi yang berkualiti.
- iv. Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas pengurusan kewangan sepenuh masa di peringkat Kumpulan Sokongan berhubung urusan-urusan kawalan belanjawan, kewangan am, terimaan, perolehan kerajaan, bayaran emolumen, pembayaran, akaun, pelaburan dan pinjaman.

SETIAUSAHA PEJABAT GRED N29

Klasifikasi : Pentadbiran dan Sokongan

Kumpulan : Pelaksana

Jadual Gaji : RM1,493.00 – RM5,672.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a. warganegara Malaysia;
 - b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - c.
 - i. Diploma Sains Kesetiausahaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau
 - ii. Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,770.95)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT TAMBAHAN FINAS

- i. Memastikan urusan harian di pejabat pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi / pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (yang memenuhi kelayakan)

berjalan lancar dan memberi perkhidmatan kesetiausahaannya seperti menaip, menyediakan surat-menyurat, laporan dan pengurusan fail.

- ii. Memastikan semua keperluan rasmi pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi / pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (yang memenuhi kelayakan) dikendalikan secara cekap dan berkualiti tinggi serta mengawal selia jadual kerja supaya teratur.
- iii. Mampu untuk bekerja secara berpasukan serta mempunyai daya tahan untuk bekerja di dalam situasi yang mencabar.
- iv. Mampu untuk menjana idea-idea bernes serta mempunyai kemahiran komunikasi yang berkualiti.

PEMBANTU PENGUAT KUASA GRED KP19

Klasifikasi : Keselamatan dan Pertahanan Awam

Kumpulan : Pelaksana

Jadual Gaji : RM1,360.00 – RM4,052.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a. warganegara Malaysia;
 - b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - c.
 - i. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan pada Gred KP19: RM1,360.00); atau
 - ii. Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
(Gaji permulaan pada Gred KP19: RM1,360.00); atau
 - iii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred KP19: RM1,416.40); atau
 - iv. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred KP19: RM1,472.80)
 - d. dan memenuhi syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
 - i. Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;

- ii. Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- iii. Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- iv. Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja); dan
- v. Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT TAMBAHAN FINAS

- i. Boleh menjalankan tugas di lapangan bagi tujuan operasi dan siasatan.
- ii. Mampu untuk bekerja secara berpasukan serta mempunyai daya tahan untuk bekerja di dalam situasi yang mencabar.
- iii. Mampu untuk menjana idea-idea bernes serta mempunyai kemahiran komunikasi yang berkualiti.
- iv. Bersedia untuk ditempatkan di mana-mana Pejabat Cawangan / Pejabat Zon FINAS apabila diarahkan.

PEMANDU KENDERAAN GRED H11

Klasifikasi : Kemahiran

Kumpulan : Pelaksana

Jadual Gaji : RM1,218.00 – RM2,939.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a. warganegara Malaysia;
 - b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - c.
 - i. Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
 - ii. Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
 - iii. Berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini. Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:

- a) Lesen D: RM1,264.15
- b) Lesen E/E1/E2: RM1,310.30
- c) Lesen F/H: RM1,356.45
- d) Lesen G/I: RM1,402.60

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat PT3/PMR atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.